

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**
TARIKH : 21 JULAI 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian untuk menyediakan falsafah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi abad ke-21 yang lebih komprehensif dan inklusif bagi semua kaum di negara ini sebagai asas untuk membina perpaduan semua kaum di negara ini mengikut Perlembagaan Persekutuan dan dalam masa yang sama menyediakan tenaga kerja bagi keperluan industri 4.0 dan industri digital negara.

JAWAPAN

Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan tunjang dalam merangka Dasar Pendidikan Kebangsaan. Oleh demikian, jika terdapat keperluan untuk membuat perubahan dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan seiring dengan perubahan dasar utama negara atau keperluan pendidikan semasa, dasar baharu tersebut hendaklah berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan ini menjadi teras dalam perancangan pendidikan yang lebih komprehensif dan holistik. Ini adalah bagi memastikan sistem pendidikan kebangsaan selaras dengan aspirasi untuk mengukuhkan perpaduan, membina identiti nasional serta membangunkan modal insan untuk memenuhi keperluan negara pada masa ini dan juga masa hadapan.

Pada masa ini, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 adalah antara dasar pendidikan yang sedang dilaksanakan. PPPM 2013-2025 ini bermatlamat untuk memastikan negara berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan serta memenuhi keperluan tenaga kerja industri 4.0 dan industri digital negara pada abad ke-21. Di samping itu, pelaksanaan PPPM 2013-2025 juga memberi penekanan kepada aspek perpaduan melalui penerapan nilai, etika dan rasa tanggungjawab sebagai warganegara.

Inisiatif perpaduan dilaksanakan di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah melalui Pendidikan Sivik. Bagi tujuan ini, prinsip Rukun Negara dijadikan asas untuk menyemai semangat perpaduan dan pembentukan warganegara. Penekanan kepada literasi sivik dan amali sivik turut dilaksana untuk melahirkan warganegara yang mengetahui hak, bertanggungjawab dan berakhlak mulia bagi menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat dan negara.

Bagi memenuhi keperluan revolusi industri (RI) 4.0 pula, Kurikulum Kebangsaan telah direka bentuk dengan menerapkan elemen pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan *Technical and Vocational Education and Training* (TVET). Ini adalah bagi memastikan pendidikan yang disediakan bersifat terkehadapan (futuristik) serta dapat melengkapkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membolehkan mereka bersaing di peringkat global.

KPM komited untuk memastikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan kekal relevan dan dinamik dalam membentuk modal insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Sekian, terima kasih.